


**GENRE DALAM RANCANGAN TELEVISYEN
TEMPATAN DAN PERUBAHAN IDENTITI
BUDAYA BELIA KADAZAN-DUSUN**



CYRIL MODILI

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2023

**GENRE DALAM RANCANGAN TELEVISYEN
TEMPATAN DAN PERUBAHAN IDENTITI
BUDAYA BELIA KADAZAN-DUSUN**

CYRIL MODILI



**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2023

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **GENRE DALAM RANCANGAN TELEVISYEN TEMPATAN DAN PERUBAHAN IDENTITI BUDAYA BELIA KADAZAN-DUSUN**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH KOMUNIKASI**

BIDANG : **KOMUNIKASI**

Saya **CYRIL MODILI**, Sesi **2019-2023**, mengaku membenarkan tesis Doktor ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



CYRIL MODILI
DA1811015T



Disahkan Oleh,
ANITA BINTI PUSTAKAWAN
KURATOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



(Dr. Haryati Abdul Karim)
Penyelia

Tarikh : 17 Oktober 2023


PENAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan, petikan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

15 Ogos 2023



Cyril Modili
DA1811015T



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **CYRIL MODILI**
NO MATRIK : **DA1811015T**
TAJUK : **GENRE DALAM RANCANGAN TELEVISYEN TEMPATAN
DAN PERUBAHAN IDENTITI BUDAYA BELIA KADAZAN-
DUSUN**
IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH KOMUNIKASI**
BIDANG : **KOMUNIKASI**
TARIKH VIVA : **15 OGOS 2023**

DISAHKAN OLEH;

Tandatangan

1. PENYELIA

Dr. Haryati Abdul Karim



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Dr. Haryati', written over a horizontal line.

2. PENYELIA BERSAMA

Prof. Madya Dr. Juliana Abdul Wahab

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Juliana', written over a horizontal line.

PENGHARGAAN

Penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua penyelia saya iaitu Dr. Haryati Abd Karim sebagai penyelia utama dan Prof.Madya Dr. Juliana Abd Wahab (USM) sebagai penyelia bersama kerana telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat yang sangat berguna sepanjang tempoh pengajian.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada majikan saya iaitu Universiti Malaysia Sabah kerana memberikan peluang kepada saya untuk bercuti belajar bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD. Tidak dilupakan juga ucapan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi kerana memberikan biasiswa Skim Latihan IPTA (SLAI) sepanjang tempoh pengajian. Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada Dekan, Pensyarah dan Kakitangan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan atas bantuan, galakan dan sokongan yang diberikan kepada saya. Begitu juga dengan rakan-rakan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, terima kasih kerana sentiasa menyokong dan mendoakan perjalanan pengajian saya. Seterusnya, kepada individu yang telah terlibat sama dalam kajian ini, saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kerana sudi menjadi sebahagian daripada kajian ini. Dengan penyertaan anda, kajian ini dapat dijalankan dan menyumbang kepada ilmu baharu yang bukan sahaja berguna kepada epistemologi ilmu, malah juga berguna kepada industri penyiaran dan komuniti Kadazan-Dusun di Sabah.

Kepada ibu bapa saya, Sutinah Laduni dan Modili Singah, saya berterima kasih kerana sentiasa mendoakan kejayaan dan berkorban untuk kami adik-beradik. Kepada isteri saya, Avila Lihuan, terima kasih kerana sentiasa menyokong dan memahami keadaan saya sepanjang tempoh pengajian. Ucapan terima kasih juga kepada abang saya Deilys yang sentiasa memberikan sokongan dan doa kepada kami adik beradik. Kepada adik beradik saya yang lain, Devrlina, Frinle, Christine, Prisca dan Jasoe Clifford, terima kasih kerana sentiasa menceriakan dan mewarnai kehidupan kita adik beradik dengan ragam masing-masing.

Cyril Modili

15 Ogos 2023

ABSTRAK

Globalisasi dan kemajuan teknologi digital meningkatkan kebergantungan masyarakat terhadap teknologi digital dalam urusan rutin kehidupan harian. Landskap media juga turut mengalami impak dari segi perubahan pola penggunaan media elektronik seperti televisyen. Sebelumnya, penontonan rancangan televisyen adalah melalui set televisyen, akan tetapi impak globalisasi dan kemajuan teknologi digital telah mencorakkan pola penontonan rancangan televisyen kepada pelbagai skrin dan platform penstriman. Pada masa yang sama, genre rancangan yang disalurkan juga berpotensi untuk membawa budaya luar yang boleh mengancam identiti budaya masyarakat setempat terutamanya kepada golongan belia. Belia merupakan golongan yang mudah terdedah dengan sesuatu yang baharu kerana golongan ini masih dalam proses mengenali diri sendiri dan sekelilingnya. Oleh itu, kajian ini cuba merungkai genre dalam rancangan televisyen tempatan dan perubahan identiti budaya belia Kadazan-Dusun di Sabah. Data kajian diperolehi dengan menggunakan kaedah tinjauan dalam talian, analisis kandungan dan temu bual kumpulan fokus. Tinjauan dalam talian digunakan untuk mendapatkan data tentang pola penggunaan belia terhadap televisyen. Analisis kandungan pula digunakan untuk menganalisis elemen identiti budaya yang terkandung dalam rancangan tempatan yang dipilih. Manakala, temu bual kumpulan fokus digunakan untuk meneliti pengetahuan, pandangan dan pengalaman belia Kadazan-Dusun mengenai identiti budaya yang dipaparkan dalam rancangan yang ditonton serta meneliti signifikan rancangan televisyen dan perubahan identiti budaya dalam kalangan belia Kadazan-Dusun. Kajian mendapati bahawa cita rasa dan kedekatan budaya merupakan dua aspek yang boleh mempengaruhi pemilihan penontonan rancangan televisyen dalam kalangan belia Kadazan-Dusun di Sabah. Aspek cita rasa meliputi keperluan untuk memenuhi kepentingan diri sendiri, mendapatkan maklumat dan cita rasa berkaitan dengan budaya. Manakala, bagi aspek kedekatan budaya, belia Kadazan-Dusun di Sabah memilih sesebuah rancangan tempatan berdasarkan kepada elemen identiti budaya mereka seperti bahasa, adat dan kepercayaan, pakaian tradisional, perayaan etnik, makanan tradisional, kesenian dan corak kehidupan atau gaya hidup. Selain itu, kajian juga mendapati bahawa penggunaan televisyen atau televisyen alternatif sebagai platform penstriman rancangan atau program kegemaran dalam era globalisasi pada masa kini bukanlah penentu utama dalam perubahan identiti budaya dalam kalangan belia Kadazan-Dusun. Akan tetapi, peranan terbesar televisyen atau televisyen alternatif adalah untuk memupuk dan menerbitkan rancangan atau program yang mempunyai unsur atau elemen identiti budaya yang signifikan dalam pembentukan identiti budaya belia Kadazan-Dusun di Sabah. Walau bagaimanapun, kajian seumpama ini perlu dilakukan dalam konteks tempatan secara menyeluruh mengenai pola penggunaan set televisyen sebagai platform penstriman, meneliti ketepatan representasi elemen identiti budaya dalam drama, filem dan dokumentari tempatan Sabah serta mengkaji aspek cita rasa rancangan televisyen daripada pelbagai kumpulan masyarakat di Sabah bagi memenuhi cita rasa tempatan. Kajian seperti ini dapat menyumbang kepada industri penyiaran dan fileman tempatan, sumbangan kepada komuniti tempatan dan juga kepada epistemologi ilmu.

ABSTRACT

GENRE IN LOCAL TELEVISION PROGRAMME AND CULTURAL IDENTITY CHANGES AMONG KADAZAN-DUSUN YOUTH

Globalisation and the development of digital technology increase society's reliance on digital technology for mundane daily tasks. Changes in the utilisation of electronic media, such as television, also influence the media landscape. The impact of globalisation and the development of digital technology have altered the viewing patterns of television programmes on various screens and streaming platforms. Moreover, channelled genre programme has the potential to introduce foreign cultures that can threaten the cultural identity of the local community, particularly among the youth. Youth are susceptible to novelty because they are still learning about themselves and their environment. This study aims to decipher the relationship between the genre of local television programmes and the cultural identity changes of Kadazan-Dusun youth in Sabah. Utilising online survey techniques, content analysis, and focus group discussion, the research data was collected. Utilising an online survey, information on youth television viewing habits was gathered. Utilising content analysis, the elements of cultural identity contained in the selected local plans are analysed. In the meantime, focus group discussions were used to examine the knowledge, perspectives, and experiences of Kadazan-Dusun youth regarding the cultural identity depicted in the television programmes they viewed, as well as the significance of television programming and cultural identity changes among Kadazan-Dusun youth. The study discovered that taste and cultural proximity are two factors that influence the selection of television programmes among Kadazan-Dusun youth in Sabah. Aspects of taste include the need to pursue one's own interests, acquire knowledge, and experience culturally significant items. In contrast, Kadazan-Dusun youth in Sabah select a local programme based on aspects of their cultural identity, including language, customs and beliefs, traditional clothing, ethnic festivals, traditional cuisine, art, and life patterns or lifestyles. In addition, the study discovered that the use of television or alternative television as a platform for streaming favourite programmes in the current era of globalisation is not the primary factor in the changes in cultural identity among Kadazan-Dusun youth. Nevertheless, the most important function of television or alternative television is to cultivate and broadcast shows or programmes that contain cultural identity elements that are essential to the formation of the cultural identity of Kadazan-Dusun youth in Sabah. Nonetheless, this type of research must be conducted in a local context regarding the pattern of using television sets as a viewing platform, examining the accuracy of the representation of cultural identity elements in Sabah's local dramas, films, and documentaries, as well as aspects of the taste of television shows from various community groups in Sabah to cater to local tastes. This type of research can benefit the local broadcasting and film industries, the community, and the epistemology of knowledge.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PEGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI GAMBAR	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Definisi Konsep dan Operasional	12
1.6.1 Televisyen	12
1.6.2 Genre Televisyen	12
1.6.3 Identiti Budaya	13
1.6.4 Belia Kadazan-Dusun	13
1.7 Signifikan Kajian	14
1.8 Kesimpulan	16
BAB 2: SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pendahuluan	18
2.2 Televisyen	18

2.2.1	Genre Televisyen	20
2.2.2	Trend Perkembangan Televisyen di Malaysia	23
2.2.3	Televisyen dan Belia di Malaysia	26
2.3	Televisyen, Masyarakat Digital, Belia dan Teknologi Digital	30
2.3.1	Masyarakat Digital dan Televisyen	31
2.3.2	Belia, Televisyen dan Teknologi Digital	34
2.4	Televisyen, Globalisasi dan Identiti Budaya	38
2.4.1	Televisyen, Globalisasi dan Cita Rasa	38
2.4.2	Identiti Budaya	40
2.4.3	Kedekatan Budaya (Cultural Proximity)	43
2.5	Identiti Budaya Masyarakat Kadazan-Dusun di Sabah	45
2.6	Model Sirkulasi Budaya (Circuit of Culture Model)	48
2.7	Kerangka Teoritikal	53
2.8	Kesimpulan	58
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pendahuluan	61
3.2	Reka Bentuk Kajian	61
3.3	Informan Kajian	63
3.3.1	Persampelan Kajian	64
3.3.2	Pemilihan Informan	65
3.3.3	Penentuan Saiz Sampel Populasi Kajian	66
3.3.4	Kesimpulan	67
3.4	Kaedah Kajian	67
3.4.1	Tinjauan dalam Talian	68
3.4.2	Analisis Kandungan	72
3.4.3	Temu bual Kumpulan Fokus	74
3.4.4	Data Sekunder	81
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	82
3.5.1	Tinjauan dalam Talian	82
3.5.2	Analisis Kandungan	84
3.5.3	Temu bual Kumpulan Fokus	85
3.6	Prosedur Analisis Data	87
3.6.1	Tinjauan dalam Talian	88

3.6.2	Analisis Kandungan	89
3.6.3	Temu bual Kumpulan Fokus	89
3.7	Kesimpulan	90

BAB 4: POLA PENGGUNAAN DAN GENRE RANCANGAN

TELEVISYEN TEMPATAN

4.1	Pendahuluan	93
4.2	Pola penggunaan Televisyen dalam Kalangan Belia Kadazan-Dusun di Sabah	94
4.2.1	Pemilikan dan Jenis Set Televisyen	94
4.2.2	Aktiviti Penontonan Televisyen di Rumah	96
4.2.3	Aktiviti Penontonan Televisyen Tempatan	98
4.2.4	Aktiviti Penontonan Televisyen Tempatan Melalui Aplikasi atau Platform Alternatif	99
4.2.5	Aktiviti Penontonan Jenis atau Genre Rancangan Televisyen Tempatan	101
4.2.6	Perbelanjaan Internet untuk Melayari Kandungan Rancangan Televisyen Melalui Aplikasi atau Platform Penstriman	102
4.2.7	Perbelanjaan Melanggan Akses Aplikasi atau Platform Penstriman untuk Melayari Kandungan Rancangan Televisyen	103
4.3	Genre Rancangan dan Cita Rasa Belia Kadazan-Dusun di Sabah	105
4.3.1	Genre Rancangan Antarabangsa Mengikut Cita Rasa	105
4.3.2	Genre Rancangan Nasional (Malaysia) Mengikut Cita Rasa	109
4.3.3	Genre Rancangan Tempatan (Sabah) Mengikut Cita Rasa	112
4.4	Kesimpulan	117


BAB 5: RANCANGAN TELEVISYEN DAN PERUBAHAN IDENTITI

BUDAYA BELIA KADAZAN-DUSUN DI SABAH

5.1	Pendahuluan	121
5.2	Perspektif Belia Kadazan-Dusun Mengenai Identiti Budaya	121
5.2.1	Definisi Identiti Budaya	122
5.2.2	Pengamalan Identiti Budaya	139

5.2.3	Kepentingan Identiti Budaya	137
5.3	Kandungan Rancangan Televisyen dengan Identiti Budaya Kadazan-Dusun	141
5.3.1	Sinopsis dan Plot Rancangan Telemovie "Ratu Kaamatan"	141
5.3.2	Analisis Elemen Identiti Budaya dalam Rancangan "Ratu Kaamatan"	143
5.3.3	Penonjolan Elemen Identiti Budaya dalam Rancangan "Ratu Kaamatan" Menurut Perspektif Belia Kadazan-Dusun di Sabah	150
5.3.4	Rancangan Televisyen Tidak Menepati Intipati Budaya	157
5.4	Signifikan Rancangan Televisyen dan Perubahan Identiti Budaya Belia Kadazan-Dusun di Sabah	161
5.4.1	Representasi Identiti Budaya Belia Kadazan-Dusun	161
5.4.2	Pemupukan Identiti Budaya Belia Kadazan-Dusun	164
5.4.3	Wadah Pengamalan Identiti Budaya Belia Kadazan-Dusun	169
5.4.4	Kepentingan Rancangan Televisyen dan Kandungan Alternatif Televisyen	171
5.5	Kesimpulan	176
BAB 6: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		
6.1	Pendahuluan	180
6.2	Pola Penggunaan Televisyen dalam Kalangan Belia Kadazan Dusun di Sabah	180
6.2.1	Pola Penggunaan Televisyen Belia Kadazan-Dusun	180
6.2.2	Perubahan Pola Penontonan kepada Televisyen Alternatif	182
6.2.3	Televisyen Alternatif dan Cita Rasa	184
6.3	Genre Rancangan Televisyen dan Cita Rasa Belia Kadazan-Dusun di Sabah	186
6.3.1	Hiburan	186
6.3.2	Maklumat	188
6.3.3	Budaya	188
6.3.4	Siaran Langsung Pesta Kaamatan	189
6.3.5	Pirates Web	191
6.4	Elemen Identiti Budaya dalam Rancangan Televisyen Terpilih	192

6.4.1	Rancangan Televisyen dan Kedekatan Budaya	192
6.4.2	Rancangan Tempatan Tidak Menepati Cita Rasa	195
6.5	Signifikan Rancangan Televisyen dan Perubahan Identiti Belia Kadazan-Dusun di Sabah	196
6.5.1	Representasi Elemen Identiti Budaya Belia Kadazan-Dusun melalui Rancangan Televisyen	196
6.5.2	Identiti Budaya Belia Kadazan-Dusun dalam Era Globalisasi	200
6.5.3	Model Sirkulasi Budaya, Rancangan Televisyen dan Perubahan Identiti Budaya	202
6.6	Cadangan	205
6.7	Kesimpulan	206
	RUJUKAN	210
	LAMPIRAN	242




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 : Senarai Definisi Belia Mengikut Organisasi atau Entiti Perbadanan Dunia	34
Jadual 3.1 : Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik	65
Jadual 3.2 : Jumlah Penduduk Etnik Kadazan-Dusun Mengikut Kumpulan Umur	66
Jadual 3.3 : Penentuan Saiz Sampel Populasi Kajian	66
Jadual 3.4 : Taburan Demografi Responden	69
Jadual 3.5 : Tarikh Temu Bual Kumpulan Fokus dijalankan	86
Jadual 4.1 : Taburan Jumlah Televisyen yang Dimiliki	94
Jadual 4.2 : Taburan Jenis Medium Televisyen	95
Jadual 4.3 : Taburan Perletakkan Televisyen di dalam Rumah	96
Jadual 4.4 : Taburan Jam Kebiasaan Responden Melakukan Aktiviti Menonton Televisyen	97
Jadual 4.5 : Taburan Purata Kekerapan Responden Menonton Televisyen Tempatan dalam Seminggu	98
Jadual 4.6 : Taburan Purata Kekerapan Responden Menonton Televisyen Tempatan melalui Aplikasi atau Platform Penstriman dalam Seminggu	99
Jadual 4.7 : Taburan Purata Kekerapan Menonton Genre atau Jenis Rancangan Televisyen Tempatan	101


Jadual 4.8	: Taburan Purata Perbelanjaan Internet Sebulan untuk Melayari Kandungan Rancangan Televisyen melalui Aplikasi atau Platform penstriman	102
Jadual 4.9	: Taburan Purata Perbelanjaan Melanggan Akses Aplikasi atau Platform penstriman Sebulan untuk Melayari Kandungan Rancangan Televisyen	104
Jadual 5.1	: Plot Anotasi Babak Rancangan "Ratu Kaamatan"	142



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 : Model Sirkulasi Budaya (Du Gay et al., 2013)	49
Rajah 2.1 : Adaptasi Model Sirkulasi Budaya Kajian Melalui Penggunaan, Identiti dan Representasi	57
Rajah 2.2 : Kerangka Konsep Kajian	57



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR


	Halaman
Gambar 5.1 : Aktiviti gotong-royong	144
Gambar 5.2 : Sawah Padi	144
Gambar 5.3 : Tanggungjawab Menjaga Ibu bapa	145
Gambar 5.4 : Perayaan Etnik (Pesta Kaamatan)	146
Gambar 5.5 : Perayaan Etnik (Pesta Kaamatan)	146
Gambar 5.6 : Pakaian Tradisional	148
Gambar 5.7 : Pakaian Tradisional	148
Gambar 5.8 : Kesenian (Peralatan Muzik)	149
Gambar 5.9 : Adat dan Kepercayaan (Huminodun)	150



UTMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

TV	-	Televisyen
DVR	-	<i>Digital Video Recorder</i>
RTM	-	Radio Televisyen Malaysia
KDCA	-	<i>Kadazan Dusun Cultural Association</i>
KDMR	-	Kadazan, Dusun, Murut dan Rungus



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Surat Kebenaran	242
Lampiran B : Borang Persetujuan Informan	243
Lampiran C : Contoh Transkrip Temu Bual Kumpulan Fokus	244
Lampiran D : Contoh Analisis Menggunakan ATLAS.Ti	274



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian terhadap genre dalam televisyen tempatan dan perubahan identiti budaya dalam kalangan masyarakat yang mempunyai pelbagai pilihan pada masa kini amat signifikan untuk diteroka dan dikaji. Kajian terhadap kepelbagaian pilihan yang dimaksudkan berkait rapat dengan landskap media pada masa kini yang sering berubah-ubah akibat daripada perkembangan teknologi semasa. Keadaan ini turut mengembangkan platform penstriman kandungan media yang boleh diakses dengan mudah. Masyarakat bukan sahaja disajikan dengan pelbagai pilihan, malah khalayak mempunyai kebebasan dalam memilih genre dan bentuk kandungan media yang digemari (Hashim dan Omar, 2011; Edgerly dan Vraga, 2019; Kretz, 2019). Hal ini menyebabkan khalayak didedahkan dengan pelbagai genre atau bentuk kandungan rancangan media terutamanya televisyen daripada seluruh pelosok dunia.

Kajian media dan identiti budaya terdahulu memberi tumpuan kepada kajian yang berkaitan dengan kesan media terhadap identiti budaya dan representasi. Selain itu, tumpuan kajian sebelum ini termasuklah menyelidik kesan media terhadap identiti budaya yang memberi perhatian khusus kepada etnik, bangsa, jantina, agama dan globalisasi. Akan tetapi kajian terhadap media dan identiti budaya juga merentasi pelbagai bidang seperti antropologi, sosiologi, komunikasi dan kajian budaya. Disiplin ini semakin berkembang dan membangun secara berterusan seiring kemajuan teknologi dalam era globalisasi kini. Pada masa kini, kajian terhadap media dan identiti budaya tertumpu kepada kepelbagaian jenis media dan teknologi serta kajian terhadap identiti dalam era globalisasi.

Samsudin A. Rahim (2001), dalam kajiannya terhadap media dan identiti budaya menyatakan bahawa kandungan tempatan yang diterbitkan seharusnya menggambarkan ciri-ciri nilai, gaya hidup, budaya dan aspirasi negara. Beliau menyatakan sedemikian kerana, kesan dan pengaruh kandungan media terhadap khalayak adalah berdasarkan kepada kandungan yang diterima yang seterusnya ditafsir mengikut konteks pengetahuan mereka. Tafsiran yang dilakukan oleh khalayak terhadap kandungan media yang diterimanya akan mempengaruhi pembentukan realiti dan identiti budayanya (Rahim, 2001). Hal ini lebih membimbangkan pada masa kini kerana masyarakat mempunyai pelbagai pilihan dari segi kandungan media dari pelbagai platform penstriman. Ditambah lagi dengan tingkah laku ketagihan penontonan secara berterusan dalam kalangan masyarakat terutamanya belia berlaku pada masa kini (Flayelle, Maurage dan Billieux, 2017; Rubenking dan Bracken, 2021).

Selain itu, bukan sahaja tingkah laku penontonan berkembang tetapi perpecahan penonton juga turut berlaku (Lobato, 2018). Perpecahan penonton ini berlaku disebabkan oleh perubahan cita rasa khalayak pada masa kini yang juga berubah mengikut perkembangan semasa. Hal ini menyebabkan industri televisyen dan media baharu mempunyai kelompok khalayak tersendiri yang juga menyebabkan mereka kehilangan penonton mengikut keperluan dan kehendak khalayak dalam mencari rancangan atau program yang menepati cita rasa masing-masing (Cha, 2016). Keadaan ini menyebabkan pola penggunaan media seperti televisyen juga berubah akibat daripada persekitaran teknologi yang berkembang pesat (Lotz, Lobato dan Thomas, 2018).

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk merungkai kesan media (televisyen) terhadap perubahan identiti budaya. Kajian ini tertumpu kepada belia Kadazan-Dusun di Sabah. Hal ini disebabkan oleh identiti budaya masyarakat Kadazan-Dusun yang unik dan berbeza dengan kaum lain di Malaysia (Karupiah dan Hussin, 2021). Masyarakat Kadazan-Dusun juga mempunyai unsur kekuatan dari segi budaya mereka tersendiri walaupun berada dalam kemajuan arus teknologi yang terus menerus mencabar budaya yang diamalkan. Untuk mengkaji kesan media, penggunaan media perlu dikaji terlebih dahulu untuk melihat pola penggunaan media dalam kalangan belia Kadazan-Dusun di Sabah. Pola penggunaan media yang dikaji

termasuklah genre dalam televisyen tempatan kerana genre rancangan televisyen di setiap negara mempunyai perbezaannya yang tersendiri mengikut konteks persekitaran seperti budaya sesebuah negara tersebut (Lu, Liu dan Cheng, 2019). Hal ini penting untuk dikaji bersama kerana genre dalam sesebuah rancangan boleh mempengaruhi perubahan identiti budaya khalayak (Bindah, 2019; Kanozia dan Ganghariya, 2021).

Seterusnya, analisis kandungan terhadap rancangan tempatan perlu dilakukan untuk menganalisis representasi elemen identiti budaya belia Kadazan-Dusun dalam rancangan tempatan yang dipilih. Setelah itu, temu bual kumpulan fokus dijalankan untuk meneroka pengalaman, pengetahuan dan pandangan belia Kadazan-Dusun mengenai penonjolan elemen identiti budaya mereka dalam rancangan tempatan yang dipilih. Penelitian tersebut dilakukan untuk meneroka kesan media terhadap perubahan identiti budaya belia Kadazan-Dusun di Sabah. Dalam bab ini, perbincangan dimulakan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, definisi konsep dan operasional, signifikan kajian dan kesimpulan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Media dan budaya mempunyai hubungan yang dinamik dan sentiasa berkembang terutamanya dalam konteks masyarakat tempatan. Televisyen sebagai medium media elektronik yang dominan memainkan peranan penting dalam membentuk dan mencerminkan identiti budaya masyarakat. Dalam landskap kepelbagaian budaya di Malaysia, masyarakat Kadazan-Dusun terutamanya yang tinggal di negeri Sabah mempunyai keunikannya yang tersendiri dengan warisan budaya yang kaya (Karuppiah dan Hussin, 2021). Walau bagaimanapun, seperti kebanyakan komuniti tempatan di seluruh dunia, masyarakat Kadazan-Dusun terutamanya belia turut mengalami ancaman perubahan dalam identiti budaya mereka akibat daripada globalisasi dan kemajuan teknologi (Karim et al., 2016; Chin, 2020).

Masyarakat Kadazan-Dusun merupakan salah satu etnik yang ada di Malaysia dan kebanyakannya tinggal di negeri Sabah. Masyarakat Kadazan-Dusun terkenal

dengan warisan budaya yang unik merangkumi kepelbagaian tradisi, gaya hidup, adat dan bahasa dengan loghat yang tersendiri. Masyarakat ini juga biasanya mengamalkan aktiviti pertanian seperti menanam padi yang disambut dengan pelbagai perayaan dan ritual (Chin, 2020). Selain itu, aspek bahasa, adat dan kepercayaan, makanan tradisional, pakaian dan kesenian seperti tarian dan muzik juga masih diamalkan terutamanya musim perayaan. Pengamalan ini memainkan peranan penting dalam pengekalan identiti budaya mereka sebagai Kadazan-Dusun (Karuppiah dan Hussin, 2021).

Walaupun begitu, dalam dunia globalisasi kini, pengamalan identiti budaya boleh dipengaruhi oleh pelbagai aspek. Hal ini disebabkan oleh kemajuan teknologi digital yang mengubah landskap media (Jin, 2019). Keadaan ini menyebabkan pendedahan kepada pelbagai program atau rancangan dari pelbagai sumber dan platform penstriman (Lobato dan Sarkar, 2019). Selain itu, perubahan landskap dalam media terutamanya televisyen mencorakkan lagi cita rasa penonton yang menonton rancangan-rancangan televisyen (Pajkovic, 2022). Hal ini memberikan peluang kepada khalayak untuk memilih platform yang mudah diakses untuk kegunaan mereka. Demikian juga halnya dengan cita rasa khalayak, Huma (2015) mengatakan bahawa cita rasa khalayak dalam memilih rancangan juga berubah mengikut arus kemajuan. Dapat dilihat dalam kenyataan akhbar yang dikeluarkan bahawa pemilihan rancangan televisyen pada masa kini berubah mengikut arus kemajuan yang ada dalam era globalisasi.

“Dahulu, televisyen hanya berperanan sebagai penyampai maklumat selain memberi hiburan kepada masyarakat. Kini, televisyen boleh berhubung secara langsung dengan manusia seperti mengesan manusia tidur lalu ia akan mematikan fungsinya secara automatik. Ini antara contoh perkembangan teknologi yang dihasilkan melalui Revolusi Industri 4.0, yang dibangunkan melalui teknologi digital tanpa sebarang garis pemisah antara teknologi dengan sistem biologi seperti manusia.” (Malaysia Kini.com, 2018).

Pada asalnya, perkembangan teknologi yang berlaku pada masa kini didorong oleh masyarakat itu sendiri (Bell, 1974; Castells, 2010). Daniel Bell menyatakan

bahawa masyarakat yang bergantung kepada maklumat pada era pasca perindustrian merancakkan lagi kemajuan teknologi maklumat yang menyebabkan bidang ekonomi dan sosial turut maju. Penggunaan teknologi dalam kalangan masyarakat merupakan salah satu aspek yang mengembangkan teknologi terutamanya teknologi digital yang digunakan dalam rutin harian masyarakat. Sebagai contoh, penggunaan telefon pintar, komputer dan tablet dalam rutin kehidupan masyarakat (Nee dan Barker, 2020). Masyarakat ini juga dikenali sebagai 'masyarakat digital' yang mengoptimumkan penggunaan teknologi digital (Che Noh et al., 2017). Masyarakat digital ini termasuklah golongan belia yang dikatakan mempunyai penggunaan teknologi digital yang tinggi terutamanya menggunakan teknologi digital untuk mengakses media sosial (Meri et al., 2020). Golongan belia yang sedang mencari identiti diri, menghadapi cabaran hidup yang mengelirukan dan merisaukan biasanya berpaling kepada sumber paling dekat dengan mereka iaitu melalui media sosial.

Selain itu, belia pada masa kini disajikan dengan pelbagai genre dalam rancangan televisyen dan mereka mempunyai pilihan tersendiri apabila menonton program atau rancangan televisyen (Ugalde, Martinez-de-Morentin dan Medrano, 2017). Kajian yang dijalankan oleh Ugalde, Martinez-de-Morentin dan Medrano juga menyatakan bahawa belia lelaki lebih cenderung memilih untuk menonton rancangan atau program yang bersifat program kebudayaan dan maklumat. Manakala belia perempuan pula cenderung memilih program atau rancangan berbentuk program sosial dan selalunya dibincangkan bersama rakan mereka. Hal ini memperlihatkan bagaimana kemajuan teknologi kini mencorakkan pilihan khalayak yang berbentuk peribadi (Islam, 2018).

Seterusnya, penonton atau khalayak dalam era globalisasi kini lebih meminati suatu rancangan yang bersifat peribadi atau mempunyai nilai kedekatan budaya dengan mereka (Marôpo, Jorge dan Tomaz, 2020). Hal ini memberikan rasa percaya dan keintiman khalayak terhadap kandungan media yang digunakan. Sebagai contoh, rancangan yang membuatkan mereka seolah-olah berada dalam jalan cerita rancangan yang ditonton adalah contoh rancangan yang diminati oleh penonton masa kini (Meade, 2015). Keadaan ini memberikan suatu pengalaman yang boleh dikongsi bersama antara satu dengan yang lain (Freedman, 2016). Dalam hal ini,